

02 OCT 1996  
Mahathir-Ting  
PM KATA TING PEK KHIING DISERANG ANGIN AHMAR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan hari ini bahawa pengerusi eksekutif syarikat Ekran Bhd, Tan Sri Ting Pek Khiing, diserang angin ahmar baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, kesihatan Ting tidak akan menjejaskan pelaksanaan projek empangan hidroelektrik Bakun.

Katanya: "Ting diserang angin ahmar sederhana pada sebelah kiri badannya ... dan sebagai seorang doktor, saya tahu jika serangan itu pada sebelah kanan, ia akan menjejaskan pertuturannya.

"Tetapi saudara dapat lihat dia dapat bertutur dengan baik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan dan pembinaan bagi projek Bakun bernilai RM13,000 juta antara Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd (BHC) dan Konsortium ABB-CBPO.

Dr Mahathir berkata beliau telah menasihati Ting supaya mendapatkan rawatan lanjut di hospital walaupun Tingin ingin terus bekerja untuk menjayakan projek Bakun itu.

Khabar-khabar angin mengenai kesihatan Ting mula kedengaran selepas majlis menandatangani kontrak itu, yang ditunda mula-mula kepada Isnin dan kemudian kepada tarikh yang tidak ditetapkan. Mengikut laporan, Ting dirawat di Singapura.

Perdana Menteri berkata beliau sukacita kerana kontrak itu dapat ditandatangani, sambil menyebut bahawa kerja-kerja pembinaan telah bermula semalam ... "jika ada masalah kita akan menyelesaikannya".

Dr Mahathir juga berkata beliau menjangkakan projek itu akan dapat disiapkan mengikut jadual dalam tempoh lima tahun.

Semasa ditemui pemberita, Ting, yang kelihatan sihat, berkata beliau gembira kontrak telah ditandatangani.

"Saya tidak apa-apa ... saya sihat, tetapi saya akan kurangkan kerja," katanya.

Pada majlis itu, BHC diwakili oleh Ting, yang juga pengerusi eksekutifnya selain pengerusi eksekutif Ekran yang mempunyai 32 peratus ekuiti dalam BHC.

Goran Lindahl, naib presiden eksekutif ABB dan Marco Elie Altit, pengarah CBPO, juga menandatangani bagi syarikat masing-masing.

Mengikut syarat kontrak, projek itu akan bermula tidak lewat dari 1 Jan tahun depan manakala tarikh operasi awal dan tarikh operasi komersil masing-masing akan bermula tidak lewat dari 31 Okt, 2002 dan 31 Ogos, 2003.

Kontrak itu juga menegaskan bahawa kira-kira 40 peratus daripada nilai kontrak perlu diberikan kepada orang tempatan dan harus dilaksanakan pemindahan teknologi kepada malaysia dengan menyediakan program-program latihan dan pelaksanaan yang sesuai dan secukupnya.

Dalam hubungan ini, kontrak itu memperuntukkan supaya diwujudkan pusat teknologi tenaga di Malaysia bagi memudahkan pemindahan teknologi itu.

Pada masa yang sama, terdapat peraturan ketat bagi konsortium ABB-CBPO untuk mematuhi perlindungan alam sekitar sebagaimana ditetapkan Lembaga Sumber-sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak.

-- BERNAMA  
MR CTL AHH